

LAPORAN PERANGKAAN SEPARUH TAHUN PERTAMA 2013



JABATAN PERUMAHAN NEGARA
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



ISI KANDUNGAN

| | |
|--|----|
| 1.0 PELESENAN PERUMAHAN SWASTA | |
| 1.1 PENGETAHUAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN DAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN | 1 |
| 1.2 BILANGAN UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN PEMBINAAN | 3 |
| 2.0 PEMANTAUAN PROJEK PERUMAHAN SWASTA | |
| 2.1 STATUS PROJEK PERUMAHAN SWASTA LANCAR, LEWAT DAN SAKIT | 5 |
| 3.0 PENGUATKUASAAN PEMAJU PERUMAHAN SWASTA | |
| 3.1 KOMPAUN | 9 |
| 3.2 PENDAKWAAN | 11 |
| 3.3 SENARAI HITAM | 13 |
| 4.0 PEMULIHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI | |
| 4.1 STATUS KESELURUHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI | 14 |
| 4.2 PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI MENGIKUT NEGERI | 15 |
| 5.0 SKIM PINJAMAN PERUMAHAN (SPP) | |
| 5.1 PERMOHONAN DAN KELULUSAN | 17 |
| 5.2 UNIT RUMAH YANG TELAH DISIAPKAN | 19 |
| 5.3 KUTIPAN BAYARAN | 20 |
| 5.4 TUNGGAKAN BAYARAN | 20 |
| 5.5 PELELONGAN | 23 |
| 6.0 PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT | |
| 6.1 STATUS KESELURUHAN | 24 |
| 6.2 PROJEK SIAP-DIMILIKI DAN DISEWA | 25 |
| 6.3 PROJEK DALAM PEMBINAAN-DIMILIKI DAN DISEWA | 26 |
| 6.4 STATUS PENGISIAN PPR DISEWA | 28 |
| 6.5 STATUS PENJUALAN PPR DIMILIKI | 30 |
| 7.0 PENGURUSAN SETINGGAN | |
| 7.1 BILANGAN SETINGGAN | 32 |
| 8.0 PENGURUSAN ADUAN | |
| 8.1 BILANGAN ADUAN YANG DITERIMA | 33 |
| 8.2 JENIS ADUAN PERUMAHAN | 34 |
| 8.3 ADUAN YANG DITERIMA DI BAHAGIAN PENGUATKUASAAN | 35 |

1.0 PELESENAN PERUMAHAN SWASTA

1.1 PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN DAN PERMIT IKLAN & JUALAN

Dari Januari 2013 hingga 30 Jun 2013, sebanyak 1,835 lesen pemajuan perumahan dan permit iklan dan jualan telah dikeluarkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 837 adalah bagi pengeluaran lesen pemajuan perumahan dan permit iklan dan jualan baharu manakala sebanyak 998 adalah bagi pembaharuan. Pengeluaran lesen pemajuan perumahan dan permit iklan dan jualan pada bulan April mencatatkan bilangan yang terendah sepanjang tempoh enam (6) bulan pertama tahun 2013. Ini berlaku kerana sistem baru telah dilancarkan pada bulan tersebut iaitu sistem BLESS yang mengantikan sistem sedia ada iaitu MYGOV. Oleh itu, pemaju-pemaju perumahan perlu mengemukakan permohonan bagi lesen pemajuan perumahan dan permit iklan dan jualan melalui sistem baru tersebut. Disebabkan kebanyakan pemaju masih tidak mengetahui tentang pertukaran sistem baru ini, permohonan lesen pemajuan perumahan dan permit iklan dan jualan bagi bulan April 2013 merosot berbanding bulan-bulan sebelumnya. Sila lihat Jadual 1.1 dan Carta 1.1.

JADUAL 1.1: PENGETAHUAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN DAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 JUN 2013


| BULAN | BAHARU | PEMBAHARUAN | JUMLAH |
|---------------|------------|-------------|--------------|
| JANUARI | 205 | 184 | 389 |
| FEBRUARI | 167 | 147 | 314 |
| MAC | 180 | 167 | 347 |
| APRIL | 30 | 66 | 96 |
| MEI | 103 | 234 | 337 |
| JUN | 152 | 200 | 352 |
| JUMLAH | 837 | 998 | 1,835 |

Sumber: Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan, JPN 2013

Nota:

Mulai April 2013, Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan telah dikompositkan.

CARTA 1.1: PENGETAHUAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN DAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 JUN 2013




Sumber: Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan, JPN 2013

1.2 BILANGAN UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN PEMBINAAN

Jumlah unit rumah yang diluluskan pembinaan dari Januari 2013 hingga 30 Jun 2013 adalah sebanyak 94,943 unit. Kelulusan pembinaan bagi rumah kos tinggi adalah yang tertinggi dicatatkan iaitu sebanyak 87,011 unit (91.6%), diikuti dengan rumah kos sederhana sebanyak 4,068 unit (4.3%), rumah kos rendah sebanyak 2,425 unit (2.6%) dan selebihnya adalah permohonan bagi pembinaan rumah kos sederhana rendah sebanyak 1,439 unit (1.5%). Sila lihat Carta 1.2 dan Jadual 1.2.

CARTA 1.2: UNIT RUMAH YANG TELAH DILULUSKAN PEMBINAAN DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 JUN 2013



Sumber: Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan, JPN 2013

JADUAL 1.2: BILANGAN UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN PEMBINAAN DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 JUN 2013

| BULAN | KOS RENDAH | KOS SEDERHANA RENDAH | KOS SEDERHANA | KOS TINGGI | JUMLAH |
|---------------|--------------|----------------------|---------------|---------------|---------------|
| JANUARI | 430 | 247 | 681 | 13,442 | 14,800 |
| FEBRUARI | 306 | 239 | 225 | 11,696 | 12,466 |
| MAC | 1,346 | 693 | 977 | 16,438 | 19,454 |
| APRIL | 229 | 149 | 1,707 | 20,185 | 22,270 |
| MEI | 78 | 77 | 446 | 11,375 | 11,976 |
| JUN | 36 | 34 | 32 | 13,875 | 13,977 |
| JUMLAH | 2,425 | 1,439 | 4,068 | 87,011 | 94,943 |

Sumber: Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan, JPN 2013

Nota : Kategori Rumah Berdasarkan Harga

Kos Rendah

(Kurang daripada RM 42,000)

Kos Sederhana Rendah

(RM 42,001 - RM 70,000)

Kos Sederhana

(RM 70,001 - RM 100,000)

Kos Tinggi


(Melebihi RM 100,000)

2.0 PEMANTAUAN PROJEK PERUMAHAN SWASTA

2.1 STATUS PROJEK PERUMAHAN SWASTA LANCAR, LEWAT DAN SAKIT

Pada 30 Jun 2013, sebanyak 3,728 projek perumahan swasta sedang dimajukan oleh pemaju perumahan di Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 3,474 projek (93.2%) adalah berstatus projek Lancar, 53 projek (1.4%) adalah projek Lewat dan baki 201 projek (5.4%) dikategorikan sebagai projek Sakit. Peratusan status projek perumahan swasta adalah seperti di Carta 2.1.

CARTA 2.1: STATUS PROJEK PERUMAHAN SWASTA LANCAR, LEWAT DAN SAKIT PADA 30 JUN 2013



Sumber : Bahagian Pemantauan Perumahan Swasta, JPN 2013

Jadual 2.1 menunjukkan status semasa projek perumahan swasta dalam kategori Lancar, Lewat dan Sakit mengikut negeri pada 30 Jun 2013. Adalah didapati sebanyak 434,862 unit rumah yang sedang dibina adalah dalam kategori Lancar, 5,999 unit rumah dalam kategori Lewat dan 25,161 unit rumah dalam kategori Sakit. Bagi unit yang dijual, 257,234 unit rumah adalah dalam kategori Lancar, 4,613 unit rumah adalah dalam kategori Lewat dan 17,008 unit rumah dalam kategori Sakit.

JADUAL 2.1: PROJEK PERUMAHAN SWASTA LANCAR, LEWAT DAN SAKIT MENGIKUT NEGERI PADA 30 JUN 2013

| NEGERI | LANCAR | | | LEWAT | | | SAKIT | | |
|------------------|--------------|----------------|----------------|------------|--------------|--------------|------------|---------------|---------------|
| | BIL PROJEK | UNIT DIBINA | UNIT DIJUAL | BIL PROJEK | UNIT DIBINA | UNIT DIJUAL | BIL PROJEK | UNIT DIBINA | UNIT DIJUAL |
| SELANGOR | 651 | 103,560 | 53,468 | 25 | 3,492 | 2,706 | 73 | 10,847 | 7,579 |
| JOHOR | 633 | 81,413 | 61,665 | 13 | 1,210 | 986 | 25 | 3,826 | 2,537 |
| PERAK | 599 | 71,578 | 43,986 | 6 | 382 | 276 | 18 | 1,545 | 990 |
| P.PINANG | 351 | 26,630 | 13,553 | 5 | 713 | 640 | 13 | 1,557 | 1,220 |
| KEDAH | 258 | 35,429 | 19,760 | 0 | 0 | 0 | 15 | 1,286 | 795 |
| PAHANG | 227 | 9,210 | 3,572 | 4 | 202 | 5 | 12 | 874 | 521 |
| W.P KUALA LUMPUR | 187 | 41,432 | 27,517 | 0 | 0 | 0 | 6 | 782 | 205 |
| MELAKA | 182 | 25,394 | 12,845 | 0 | 0 | 0 | 2 | 508 | 23 |
| N.SEMBILAN | 171 | 24,332 | 12,414 | 0 | 0 | 0 | 10 | 1,480 | 1,115 |
| KELANTAN | 102 | 8,425 | 4,250 | 0 | 0 | 0 | 17 | 1,605 | 1,310 |
| TERENGGANU | 84 | 6,198 | 3,463 | 0 | 0 | 0 | 7 | 734 | 644 |
| PERLIS | 29 | 1,261 | 741 | 0 | 0 | 0 | 3 | 117 | 69 |
| JUMLAH | 3,474 | 434,862 | 257,234 | 53 | 5,999 | 4,613 | 201 | 25,161 | 17,008 |

Sumber : Bahagian Pemantauan Perumahan Swasta, JPN 2013

NOTA:

DEFINISI

- i) **Lancar** : Projek yang dimajukan mengikut tempoh Surat Perjanjian Jual & Beli (SPJB) iaitu selama 24 bulan bagi pemajuan yang mengikut Jadual G (Hak Milik Individu) dan 36 bulan bagi pemajuan yang mengikut Jadual H (Hak Milik Strata) ;
- ii) **Lewat** : Projek yang mengalami kelewatan antara 10% hingga 30% dan masih berada dalam tempoh Surat Perjanjian Jual & Beli (SPJB); dan
- iii) **Sakit** : Projek yang mengalami kelewatan melebihi 30% atau projek-projek yang telah tamat tempoh Surat Perjanjian Jual & Beli (SPJB).

Secara keseluruhannya, bermula dari tahun 1990 hingga 30 Jun 2013, iaitu dalam tempoh 24 tahun, sejumlah 21,409 lesen pemajuan perumahan telah dikeluarkan oleh JPN. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 17,612 projek (82.3%) telah berjaya disiapkan dengan kelulusan Sijil Layak Menduduki (CFO)/Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC). Sila lihat Jadual 2.2.

**JADUAL 2.2: STATUS PROJEK PERUMAHAN SWASTA YANG DILESENKEN DARI
TAHUN 1990 HINGGA 30 JUN 2013**

| KATEGORI | BIL. PROJEK |
|---------------------|---------------|
| SIAP DENGAN CFO/CCC | 17,612 |
| LANCAR | 3,474 |
| LEWAT | 53 |
| SAKIT | 201 |
| TERBENGKALAI | 69 |
| JUMLAH | 21,409 |

Sumber : Bahagian Pemantauan Perumahan Swasta, JPN 2013

3.0 PENGUATKUASAAN PEMAJU PERUMAHAN SWASTA

3.1 KOMPAUN

Secara keseluruhannya, sebanyak 250 notis kompaun telah dikeluarkan kepada 237 pemaju perumahan dari Januari 2013 hingga 30 Jun 2013. Notis kompaun yang dikenakan kepada pemaju yang gagal menghantar laporan kemajuan projek perumahan kepada Pengawal Perumahan (S7(f)) mencatatkan bilangan yang tertinggi iaitu sebanyak 106 notis. Selebihnya adalah notis kompaun yang dikeluarkan terhadap kesalahan di bawah Seksyen 7(e) dan Peraturan 6(1) iaitu kesalahan gagal menghantar laporan juruaudit beserta salinan kunci kira-kira dan akaun untung rugi kepada Pengawal Perumahan dan kesalahan pengiklanan tidak mengikut butiran iklan yang dikehendaki iaitu masing-masing sebanyak 100 dan 44 notis kesalahan.

Tiada kompaun dikeluarkan bagi kesalahan di bawah Seksyen 7(f), Seksyen 7(e) dan Peraturan 6(1) dari Januari hingga Februari 2013. Hal ini kerana bagi kesalahan di bawah Seksyen 7(f), pemaju diberikan tempoh dari 1 Januari hingga 21 Februari 2013 untuk mengemukakan Laporan Kemajuan Projek bagi Sesi 4/2012 manakala bagi kesalahan di bawah Seksyen 7(e), pemaju diberikan tempoh 6 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan untuk mengemukakan Laporan Kewangan Beraudit. Bagi kesalahan di bawah Peraturan 6(1) pula, tiada kompaun dikeluarkan dari Januari hingga Februari 2013 memandangkan semakan akhbar harian mendapati tiada kesalahan yang dilakukan pemaju bagi tempoh tersebut.

Bagi hasil kutipan kompaun pula, sebanyak RM2,115,000.00 telah berjaya dikutip sepanjang tempoh enam (6) bulan pertama tahun 2013. Peningkatan jumlah kutipan kompaun yang ketara dicatatkan pada bulan Jun kerana JPN telah mengeluarkan amaran terakhir kepada pemaju-pemaju perumahan supaya membayar kompaun dalam masa 14 hari bagi mengelakkan tindakan pendakwaan di mahkamah. Sila lihat Jadual 3.1 dan Carta 3.1.

JADUAL 3.1: JENIS KESALAHAN YANG DIKENAKAN KOMPAUN DAN JUMLAH KUTIPAN KOMPAUN DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 JUN 2013

| BULAN | KESALAHAN DI BAWAH AKTA / PERATURAN | | | JUMLAH KESALAHAN | BILANGAN PEMAJU | JUMLAH KUTIPAN (RM) |
|---------------|-------------------------------------|------------|------------|------------------|-----------------|---------------------|
| | P6(1) | S7(e) | S7(f) | | | |
| JANUARI | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 420,250.00 |
| FEBRUARI | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 163,750.00 |
| MAC | 12 | 17 | 42 | 71 | 67 | 464,500.00 |
| APRIL | 31 | 0 | 19 | 50 | 43 | 329,000.00 |
| MEI | 1 | 0 | 45 | 46 | 44 | 124,500.00 |
| JUN | 0 | 83 | 0 | 83 | 83 | 613,000.00 |
| JUMLAH | 44 | 100 | 106 | 250 | 237 | 2,115,000.00 |

Sumber: Bahagian Penguatkuasaan, JPN 2013


Nota : S – Subseksyen, P – Sub-peraturan

P6(1) : Kesalahan pengiklanan tidak mengikut butiran iklan yang dikehendaki

S7(e) : Kesalahan gagal menghantar laporan juruaudit beserta salinan kunci kira-kira dan akaun untung rugi kepada Pengawal Perumahan.

S7(f) : Kesalahan gagal menghantar laporan kemajuan projek perumahan kepada Pengawal Perumahan.

CARTA 3.1: JENIS KESALAHAN YANG DIKENAKAN KOMPAUN DAN JUMLAH KUTIPAN KOMPAUN DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 JUN 2013



Sumber: Bahagian Penguatkuasaan, JPN 2013

3.2 PENDAKWAAN

Sebanyak 104 kes yang masih aktif dibawa ke tahun 2013 dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 10 kes diselesaikan pada Januari 2013. Ini menjadikan jumlah kes yang masih aktif sehingga Januari 2013 adalah sebanyak 94 kes. Sebanyak 118 kes baharu telah didaftarkan di mahkamah bagi pelbagai kesalahan di bawah peruntukan Akta 118 yang dilakukan oleh pemaju perumahan dan Peraturan-Peraturan berkaitan dari Januari 2013 hingga 30 Jun 2013. Ini menjadikan bilangan kes yang masih aktif sehingga 30 Jun 2013 adalah sebanyak 94 kes. Bilangan kes yang diselesaikan bagi tempoh 6 bulan ialah 128 kes. Kes baharu yang didaftarkan di mahkamah pada bulan Februari adalah tertinggi dicatatkan sepanjang tempoh 6 bulan iaitu sebanyak 52 kes. Sila lihat Jadual 3.2.

JADUAL 3.2: STATISTIK KES PENDAKWAAN DI BAWAH AKTA 118 DAN PERATURAN-PERATURAN BERKAITAN DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 JUN 2013

| BULAN | BILANGAN KES BAHARU YANG DIDAFTARKAN DI MAHKAMAH | BILANGAN KES SELESAI | BILANGAN KES MASIH AKTIF |
|----------|--|----------------------|--------------------------|
| JANUARI | 0 | 10 | 94 |
| FEBRUARI | 52 | 15 | 131 |
| MAC | 33 | 29 | 135 |
| APRIL | 0 | 3 | 132 |
| MEI | 18 | 11 | 139 |
| JUN | 15 | 60 | 94 |

Sumber: Unit Undang-Undang, JPN 2013

Sebanyak 193 kertas siasatan telah disediakan dan kertas siasatan yang disediakan pada bulan Mei adalah tertinggi direkodkan sepanjang 6 bulan pertama tahun 2013 iaitu sebanyak 70 kertas siasatan. Kertas siasatan yang disediakan bagi kesalahan pemaju ingkar award Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) (S.16AD(1)) adalah yang tertinggi dicatatkan berbanding bagi kesalahan-kesalahan lain iaitu sebanyak 188 kertas siasatan. Sila lihat Jadual 3.3

JADUAL 3.3: PECAHAN KERTAS SIASATAN YANG TELAH DISEDIAKAN MENGIKUT KESALAHAN DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 JUN 2013

| BULAN | S.5(1) | S.16AD(1) | P.11(1) | P.11(2) | JUMLAH |
|---------------|----------|------------|----------|----------|------------|
| JANUARI | 0 | 16 | 0 | 0 | 16 |
| FEBRUARI | 1 | 17 | 1 | 0 | 19 |
| MAC | 1 | 26 | 0 | 0 | 27 |
| APRIL | 0 | 35 | 0 | 1 | 36 |
| MEI | 0 | 70 | 0 | 0 | 70 |
| JUN | 0 | 24 | 1 | 0 | 25 |
| JUMLAH | 2 | 188 | 2 | 1 | 193 |

Sumber: Bahagian Penguatkuasaan, JPN 2013

Nota : S – Subseksyen, P – Sub-peraturan

S.5(1) : Kesalahan pemaju perumahan tanpa lesen

S.16AD(1): Kesalahan pemaju ingkar award Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR).

P.11(1) : Kesalahan kontrak jualan tidak mengikut Format Perjanjian Jual dan Beli di bawah Akta 118

P.11(2) : Kesalahan kutipan deposit tanpa menandatangani Surat Perjanjian Jual Beli

3.3 SENARAI HITAM

Pada 30 Jun 2013, seramai 1,191 pemaju perumahan swasta yang melibatkan 3,879 ahli lembaga pengarah telah disenarai hitamkan oleh JPN bagi beberapa kesalahan yang dilakukan di bawah Akta 118. Kesalahan yang paling banyak dilakukan oleh pemaju dan ahli lembaga pengarah adalah ingkar award TTPR. Sila lihat Jadual 3.4.

JADUAL 3.4: PEMAJU DAN AHLI LEMBAGA PENGARAH YANG DISENARAI HITAM PADA 30 JUN 2013

| KRITERIA | BILANGAN PEMAJU | BIL. AHLI LEMBAGA PENGARAH |
|--|-----------------|----------------------------|
| GAGAL MEMBAYAR KOMPAUN* | 117 | 414 |
| INGKAR AWARD TTPR* | 421 | 1,392 |
| PROJEK SAKIT | 285 | 892 |
| PROJEK TERBENGKALAI | 268 | 942 |
| PEMAJUAN TANPA LESEN | 83 | 188 |
| PEMAJU YANG DIDAKWA DAN DISABITKAN KESALAHAN DI MAHKAMAH (MELEBIHI RM 10,000)* | 17 | 51 |
| JUMLAH | 1,191 | 3,879 |

Sumber: Bahagian Penguatkuasaan, JPN 2013

NOTA:


- i) **Gagal membayar kompaun** : Pemaju perumahan disenarai hitam di peringkat Jabatan kerana masih belum menjelaskan bayaran kompaun yang telah dikenakan oleh JPN.
- ii) **Ingkar Award TTPR** : Pemaju perumahan disenarai hitam di peringkat Jabatan kerana tidak membayar pampasan kepada pembeli rumah. Award telah dikeluarkan oleh Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR)
- iii) **Pemaju yang didakwa dan disabitkan kesalahan di mahkamah (melebihi RM 10,000)** : Pemaju perumahan disenarai hitam di peringkat Jabatan kerana telah dikenakan denda oleh pihak Mahkamah melebihi RM 10,000.

4.0 PEMULIHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI

4.1 STATUS KESELURUHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI

Pada Januari 2013, sebanyak 60 projek perumahan telah disenaraikan sebagai projek terbengkalai. Penambahan sebanyak 9 projek terbengkalai menjadikan jumlah projek terbengkalai meningkat kepada 69 projek pada 30 Jun 2013. Daripada 69 projek tersebut, sebanyak 11 projek (15.9%) dalam perancangan awal pemulihan, 44 projek (63.8%) dalam proses pemulihan dan sebanyak 14 projek (20.3%) telah disiapkan atau selesai dan seterusnya dikeluarkan daripada senarai projek perumahan terbengkalai. Ini menjadikan projek terbengkalai yang disenaraikan pada 30 Jun 2013 ialah 55 projek. Carta 4.1 menunjukkan bilangan dan peratusan bagi pemulihan projek terbengkalai pada 30 Jun 2013.

CARTA 4.1: STATUS PEMULIHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI PADA 30 JUN 2013



Sumber: Bahagian Pemulihan Projek Terbengkalai, JPN 2013

4.2 PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI MENGIKUT NEGERI

Berdasarkan Jadual 4.1, projek terbengkalai yang disenaraikan pada 30 Jun 2013 adalah sebanyak 55 projek melibatkan 22,681 unit rumah dan 16,291 pembeli. Negeri Selangor mencatatkan bilangan projek terbengkalai tertinggi iaitu sebanyak 21 projek (11,500 unit rumah dan 8,397 pembeli). Ini diikuti oleh negeri Johor sebanyak 11 projek (3,936 unit rumah dan 2,920 pembeli).

JADUAL 4.1: PROJEK TERBENGKALAI MENGIKUT NEGERI PADA 30 JUN 2013

| NEGERI | PROJEK TERBENGKALAI PADA 30 JUN 2013 | | |
|-------------------|--------------------------------------|---------------|---------------|
| | BIL. PROJEK | UNIT RUMAH | BIL. PEMBELI |
| SELANGOR | 21 | 11,500 | 8,397 |
| JOHOR | 11 | 3,936 | 2,920 |
| KEDAH | 7 | 1,489 | 800 |
| PULAU PINANG | 4 | 2,261 | 1,600 |
| NEGERI SEMBILAN | 4 | 911 | 844 |
| PERAK | 4 | 675 | 346 |
| W.P. KUALA LUMPUR | 1 | 936 | 550 |
| MELAKA | 1 | 554 | 502 |
| PAHANG | 1 | 340 | 280 |
| KELANTAN | 1 | 79 | 52 |
| JUMLAH | 55 | 22,681 | 16,291 |

Sumber: Bahagian Pemulihan Projek Terbengkalai, JPN 2013

Jadual 4.2 menunjukkan status projek perumahan terbengkalai mengikut negeri pada 30 Jun 2013. Terdapat 23 projek terbengkalai sedia ada dan terdapat 3 projek baru yang disenaraikan sebagai terbengkalai di Selangor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5 projek berjaya dipulihkan dan menjadikan jumlah projek terbengkalai yang disenaraikan di Selangor pada 30 Jun 2013 ialah 21 projek.

Negeri yang menunjukkan penurunan bilangan projek terbengkalai pada 30 Jun 2013 ialah negeri Selangor, Johor, Negeri Sembilan, Kelantan, Melaka dan Pahang.

JADUAL 4.2: STATUS PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI MENGIKUT NEGERI PADA 30 JUN 2013

| NEGERI | BILANGAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI | | | |
|-------------------|---|--|--|--|
| | PROJEK TERBENGKALAI YANG DISENARAIKAN PADA 1 JANUARI 2013 | PROJEK BARU DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 JUN 2013 | PROJEK YANG DIPULIHKA DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 JUN 2013 | PROJEK TERBENGKALAI YANG DISENARAIKAN PADA 30 JUN 2013 |
| SELANGOR | 23 | 3 | 5 | 21 |
| JOHOR | 13 | 0 | 2 | 11 |
| KEDAH | 5 | 3 | 1 | 7 |
| NEGERI SEMBILAN | 5 | 0 | 1 | 4 |
| PULAU PINANG | 4 | 0 | 0 | 4 |
| KELANTAN | 3 | 0 | 2 | 1 |
| PERAK | 2 | 3 | 1 | 4 |
| MELAKA | 2 | 0 | 1 | 1 |
| PAHANG | 2 | 0 | 1 | 1 |
| W.P. KUALA LUMPUR | 1 | 0 | 0 | 1 |
| JUMLAH | 60 | 9 | 14 | 55 |

Sumber: Bahagian Pemulihan Projek Terbengkalai, JPN 2013

5.0 SKIM PINJAMAN PERUMAHAN (SPP)

5.1 PERMOHONAN DAN KELULUSAN

Berdasarkan Jadual 5.1, didapati permohonan SPP dari negeri Kedah adalah yang paling banyak diterima oleh JPN sepanjang Januari 2013 hingga 30 Jun 2013 iaitu sebanyak 98 permohonan. Ini diikuti oleh negeri Kelantan (82 permohonan), Negeri Sembilan (59 permohonan) dan Pahang (28 permohonan). Kelulusan permohonan SPP yang tertinggi dicatatkan adalah di negeri Kedah iaitu sebanyak 79 kelulusan. Ini diikuti oleh negeri Kelantan dan Terengganu masing-masing sebanyak 34 kelulusan. Bagi negeri Terengganu, bilangan kelulusan adalah melebihi bilangan permohonan kerana bilangan kelulusan tersebut merangkumi permohonan yang diterima dari tahun 2012. Sebanyak 155 permohonan SPP yang telah diterima dari tahun sebelumnya telah diluluskan oleh JPN sepanjang tempoh 6 bulan pertama tahun 2013. Sila lihat Jadual 5.1.

JADUAL 5.1: PERMOHONAN YANG DITERIMA DAN DILULUSKAN MENGIKUT NEGERI DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 JUN 2013

| NEGERI | TAHUN 2013 | |
|-------------------|------------|------------|
| | PERMOHONAN | DILULUSKAN |
| KEDAH | 98 | 79 |
| KELANTAN | 82 | 34 |
| NEGERI SEMBILAN | 59 | 1 |
| PAHANG | 28 | 1 |
| TERENGGANU | 15 | 34 |
| JOHOR | 13 | 4 |
| SELANGOR | 10 | 1 |
| PERAK | 4 | 0 |
| MELAKA | 4 | 0 |
| PERLIS | 2 | 1 |
| W.P. KUALA LUMPUR | 2 | 0 |
| JUMLAH | 317 | 155 |

Sumber : Bahagian Skim Pinjaman Perumahan, JPN 2013

Nota:Bilangan kelulusan permohonan adalah berdasarkan permohonan yang diterima terdahulu.

Dari tahun 1976 sehingga 30 Jun 2013, sebanyak 18,200 permohonan telah diterima oleh JPN. Daripada jumlah tersebut, 8,141 permohonan telah mendapat kelulusan manakala 9,667 permohonan ditolak atau batal. Permohonan yang tertinggi diterima adalah daripada peminjam di negeri Kelantan iaitu sebanyak 6,787 permohonan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,404 telah mendapat kelulusan dan 3,310 permohonan lagi telah ditolak atau batal. Sila lihat Jadual 5.2.

JADUAL 5.2: STATISTIK PERMOHONAN SPP DARI TAHUN 1976 HINGGA 30 JUN 2013

| NEGERI | BILANGAN PERMOHONAN | BILANGAN PERMOHONAN BATAL / TOLAK | KELULUSAN |
|------------------|---------------------|-----------------------------------|--------------|
| KELANTAN | 6,787 | 3,310 | 3,404 |
| KEDAH | 3,262 | 1,387 | 1,738 |
| PERAK | 2,493 | 1,373 | 1,101 |
| TERENGGANU | 1,803 | 1,135 | 646 |
| PAHANG | 1,265 | 888 | 339 |
| JOHOR | 739 | 416 | 315 |
| SELANGOR | 658 | 315 | 325 |
| NEGERI SEMBILAN | 468 | 332 | 79 |
| PERLIS | 273 | 173 | 96 |
| MELAKA | 248 | 161 | 80 |
| W.P.KUALA LUMPUR | 142 | 121 | 13 |
| PULAU PINANG | 62 | 56 | 5 |
| JUMLAH | 18,200 | 9,667 | 8,141 |

Sumber : Bahagian Skim Pinjaman Perumahan, JPN 2013

5.2 UNIT RUMAH SPP YANG TELAH DISIAPKAN

Berdasarkan Jadual 5.3, sebanyak 17 buah rumah berjaya disiapkan oleh peminjam SPP dari Januari 2013 hingga 30 Jun 2013. Bilangan rumah yang disiapkan pada bulan Mac 2013 adalah tertinggi dicatatkan dalam tempoh 6 bulan tersebut iaitu sebanyak 5 buah rumah manakala tiada rumah yang disiapkan pada bulan Jun 2013.

JADUAL 5.3: UNIT RUMAH YANG TELAH DISIAPKAN MENERUSI SPP DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 JUN 2013

| BULAN | BIL. UNIT RUMAH |
|---------------|-----------------|
| JANUARI | 4 |
| FEBRUARI | 4 |
| MAC | 5 |
| APRIL | 3 |
| MEI | 1 |
| JUN | 0 |
| JUMLAH | 17 |

Sumber : Bahagian Skim Pinjaman Perumahan, JPN 2013

Secara keseluruhannya, sebanyak 15 buah rumah dan 2 buah rumah telah disiapkan masing-masing di Kelantan dan Kedah dari Januari 2013 hingga 30 Jun 2013. Sila lihat Jadual 5.4.

JADUAL 5.4: UNIT RUMAH SPP YANG TELAH DISIAPKAN MENGIKUT NEGERI DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 JUN 2013

| NEGERI | BIL. UNIT RUMAH |
|---------------|-----------------|
| KELANTAN | 15 |
| KEDAH | 2 |
| JUMLAH | 17 |

Sumber : Bahagian Skim Pinjaman Perumahan, JPN 2013

5.3 KUTIPAN BAYARAN

Merujuk Jadual 5.5, sebanyak RM 2,459,447.53 bayaran pinjaman SPP berjaya dikutip dari Januari 2013 hingga 30 Jun 2013. Kutipan yang tertinggi dicatatkan adalah pada April 2013 iaitu sebanyak RM509,663.36 manakala kutipan bayaran pada Jun 2013 adalah yang terendah dicatatkan iaitu sebanyak RM169,029.36.

JADUAL 5.5: KUTIPAN BAYARAN PINJAMAN SPP DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 JUN 2013

| BULAN | KUTIPAN BAYARAN (RM) |
|---------------|----------------------|
| JANUARI | 337,593.82 |
| FEBRUARI | 554,606.64 |
| MAC | 475,111.91 |
| APRIL | 509,663.36 |
| MEI | 413,442.44 |
| JUN | 169,029.36 |
| JUMLAH | 2,459,447.53 |

Sumber : Bahagian Skim Pinjaman Perumahan, JPN 2013

5.4 TUNGGAKAN BAYARAN

Pada 30 Jun 2013, terdapat seramai 1,789 peminjam yang mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman SPP. Daripada jumlah tersebut, seramai 742 orang peminjam mempunyai jumlah tunggakan sebanyak RM556,115.83 dalam tempoh kurang daripada 12 bulan. Bilangan peminjam yang mempunyai bayaran tertunggak bagi tempoh 13 bulan hingga 36 bulan adalah seramai 563 orang yang melibatkan bayaran tertunggak sebanyak RM1,479,149.87. Bagi tempoh tunggakan lebih 37 bulan, seramai 484 peminjam terlibat dan jumlah tunggakan adalah sebanyak RM3,407,364.41. Sila lihat Jadual 5.6.

**JADUAL 5.6: PECAHAN TUNGGAKAN SPP MENGIKUT TEMPOH TERTUNGGAK
PADA 30 JUN 2013**

| TEMPOH TERTUNGGAK | BIL. PEMINJAM | JUMLAH TERTUNGGAK (RM) |
|--------------------------|---------------|---------------------------|
| KURANG DARIPADA 12 BULAN | 742 | 556,115.83 |
| 13 BULAN HINGGA 36 BULAN | 563 | 1,479,149.87 |
| LEBIH DARIPADA 37 BULAN | 484 | 3,407,364.41 |
| JUMLAH | 1,789 | 5,442,630.11 |

Sumber : Bahagian Skim Pinjaman Perumahan, JPN 2013

Berdasarkan Jadual 5.7, jumlah tunggakan bayaran SPP yang dicatatkan pada 30 Jun 2013 ialah sebanyak RM5,442,630.11 yang melibatkan 1,789 peminjam. Negeri Kelantan mencatatkan jumlah peminjam teramai yang mempunyai tunggakan bayaran SPP iaitu 735 peminjam dengan jumlah tunggakan sebanyak RM2,067,117.18. Ini diikuti oleh negeri Kedah (518 peminjam) dan negeri Perak (294 peminjam) yang mana masing-masing mencatatkan jumlah tunggakan sebanyak RM1,642,471.90 dan RM1,060,012.26.

JADUAL 5.7: STATISTIK TUNGGAKAN SPP MENGIKUT NEGERI PADA 30 JUN 2013

| NEGERI | BIL. PEMINJAM | TUNGGAKAN (RM) |
|-------------------|---------------|---------------------|
| KELANTAN | 735 | 2,067,117.18 |
| KEDAH | 518 | 1,642,471.90 |
| PERAK | 294 | 1,060,012.26 |
| JOHOR | 90 | 234,071.06 |
| PAHANG | 66 | 141,206.51 |
| TERENGGANU | 39 | 148,964.44 |
| NEGERI SEMBILAN | 15 | 50,771.11 |
| PERLIS | 12 | 37,321.82 |
| MELAKA | 11 | 40,346.00 |
| SELANGOR | 8 | 19,688.40 |
| W.P. KUALA LUMPUR | 1 | 659.43 |
| JUMLAH | 1,789 | 5,442,630.11 |

Sumber : Bahagian Skim Pinjaman Perumahan, JPN 2013

5.5 PELELONGAN

Pada 30 Jun 2013, sebanyak 909 kes berada dalam proses pelelongan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 891 kes telah difaikkan lelong, 9 kes telah didaftarkan di Pejabat Tanah dan sedang dalam proses tunggu tarikh siasatan manakala sebanyak 9 kes lagi dalam tunggu perintah jualan. Sila lihat Jadual 5.8.

JADUAL 5.8: STATISTIK BILANGAN PEMINJAM SPP DALAM PROSES PELELONGAN MENGIKUT NEGERI PADA 30 JUN 2013

| NEGERI | FAILKAN LELONG | TUNGGU TARikh SIASATAN | TUNGGU PERINTAH JUALAN | JUMLAH |
|-----------------|----------------|------------------------|------------------------|------------|
| KELANTAN | 295 | 8 | 1 | 304 |
| KEDAH | 319 | 0 | 5 | 324 |
| PERAK | 158 | 1 | 3 | 162 |
| JOHOR | 41 | 0 | 0 | 41 |
| TERENGGANU | 29 | 0 | 0 | 29 |
| PAHANG | 28 | 0 | 0 | 28 |
| NEGERI SEMBILAN | 8 | 0 | 0 | 8 |
| PERLIS | 5 | 0 | 0 | 5 |
| SELANGOR | 4 | 0 | 0 | 4 |
| MELAKA | 4 | 0 | 0 | 4 |
| JUMLAH | 891 | 9 | 9 | 909 |

Sumber : Bahagian Skim Pinjaman Perumahan, JPN 2013

6.0 PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT

6.1 STATUS KESELURUHAN

Secara keseluruhannya, dari tahun 2001 hingga 30 Jun 2013, JPN telah dan sedang melaksanakan sebanyak 120 projek (84,035 unit) Program Perumahan Rakyat (PPR) yang terdiri daripada 88 projek PPR Disewa (75,805 unit) dan 32 projek PPR Dimiliki (8,230 unit).

Bagi PPR Disewa, sebanyak 68 projek (65,777 unit) telah siap dibina dan 20 (10,028 unit) projek sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan.

Bagi PPR Dimiliki, sebanyak 23 projek (3,109 unit) telah siap dengan kelulusan CFO/CCC. Sementara itu, 8 projek (4,163 unit) PPR Dimiliki pula sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan dan 1 projek (958 unit) dalam peringkat perancangan. Sila lihat Jadual 6.1.

JADUAL 6.1: STATUS KESELURUHAN PROJEK PPR DARI TAHUN 2001 HINGGA 30 JUN 2013

| PROGRAM | JUMLAH PROJEK | | JUMLAH PROJEK SIAP | | JUMLAH PROJEK DALAM PEMBINAAN PADA 30 JUN 2013 | | JUMLAH PROJEK DALAM PERANCANGAN PADA 30 JUN 2013 | |
|--------------|---------------|--------|--------------------|--------|--|--------|--|------|
| | Projek | Unit | Projek | Unit | Projek | Unit | Projek | Unit |
| PPR DISEWA | 88 | 75,805 | 68 | 65,777 | 20 | 10,028 | 0 | 0 |
| PPR DIMILIKI | 32 | 8,230 | 23 | 3,109 | 8 | 4,163 | 1 | 958 |
| JUMLAH | 120 | 84,035 | 91 | 68,886 | 28 | 14,191 | 1 | 958 |

Sumber : Bahagian Perancangan Dan Pembangunan Projek PPR, JPN 2013

6.2 PROJEK PPR SIAP - DIMILIKI DAN DISEWA

Dari tahun 2001 hingga 30 Jun 2013, sebanyak 91 projek PPR yang meliputi 68,886 unit rumah telah disiapkan. Daripada jumlah tersebut, 68 projek adalah dari **PPR Disewa** dan 23 projek lagi dari **PPR Dimiliki**.

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan bilangan tertinggi bagi projek **PPR Disewa** yang telah disiapkan iaitu sebanyak 25 projek yang meliputi 32,762 unit rumah. Ini diikuti oleh Sabah dengan 15 projek (13,256 unit rumah).

Bagi **PPR Dimiliki** pula, sebanyak 23 projek telah disiapkan di Pahang yang melibatkan 3,109 unit rumah. Sila lihat Jadual 6.2.

JADUAL 6.2: STATISTIK PROJEK PPR YANG TELAH SIAP MENGIKUT NEGERI DARI TAHUN 2001 HINGGA 30 JUN 2013

| NEGERI | PPR DISEWA | | PPR DIMILIKI | |
|------------------|-------------|-----------|--------------|-----------|
| | BIL. PROJEK | BIL. UNIT | BIL. PROJEK | BIL. UNIT |
| W.P.KUALA LUMPUR | 25 | 32,762 | 0 | 0 |
| SABAH | 15 | 13,256 | 0 | 0 |
| JOHOR | 7 | 7,108 | 0 | 0 |
| PERAK | 6 | 675 | 0 | 0 |
| SARAWAK | 4 | 2,516 | 0 | 0 |
| SELANGOR | 3 | 4,884 | 0 | 0 |
| KEDAH | 2 | 1,894 | 0 | 0 |
| PERLIS | 2 | 1,228 | 0 | 0 |
| PULAU PINANG | 2 | 698 | 0 | 0 |
| NEGERI SEMBILAN | 1 | 420 | 0 | 0 |
| MELAKA | 1 | 336 | 0 | 0 |
| PAHANG | 0 | 0 | 23 | 3,109 |
| JUMLAH | 68 | 65,777 | 23 | 3,109 |

Sumber : Bahagian Perancangan Dan Pembangunan Projek PPR, JPN 2013

Nota: Projek Siap ialah projek yang telah memperoleh kelulusan Sijil Layak Menduduki (CFO)/Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).

6.3 PROJEK PPR DALAM PEMBINAAN - DIMILIKI DAN DISEWA

Sebanyak 28 projek PPR (14,191 unit) masih dalam peringkat pembinaan pada 30 Jun 2013. Daripada jumlah tersebut, 20 projek (10,028 unit) adalah PPR Disewa dan 8 projek (4,163 unit) adalah PPR Dimiliki.

Projek-projek PPR Disewa dalam pembinaan adalah sebanyak 12 projek (6,235 unit) di negeri Sabah dan masing-masing 1 projek di negeri Johor, Terengganu, Sarawak, Selangor, Perak, Pulau Pinang, Perlis dan Negeri Sembilan. Bagi PPR Dimiliki pula, terdapat 4 projek (563 unit) sedang dalam pembinaan di negeri Pahang, 2 projek (2,100 unit) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 1 projek (1,000 unit) di Kelantan dan pertambahan 1 projek (500 unit) di Sarawak iaitu PPR Lambir, Miri menjadikan jumlah keseluruhan unit PPR Dimiliki adalah 4,163 unit. Sila lihat Jadual 6.3 dan Jadual 6.4.

JADUAL 6.3: STATISTIK PROJEK PPR DALAM PEMBINAAN MENGIKUT NEGERI PADA 30 JUN 2013

| NEGERI | PPR DISEWA | | PPR DIMILIKI | |
|------------------|-------------|-----------|--------------|-----------|
| | BIL. PROJEK | BIL. UNIT | BIL. PROJEK | BIL. UNIT |
| SABAH | 12 | 6,235 | 0 | 0 |
| JOHOR | 1 | 1,170 | 0 | 0 |
| TERENGGANU | 1 | 1,002 | 0 | 0 |
| SARAWAK | 1 | 500 | 1 | 500 |
| SELANGOR | 1 | 300 | 0 | 0 |
| PERAK | 1 | 240 | 0 | 0 |
| PULAU PINANG | 1 | 231 | 0 | 0 |
| PERLIS | 1 | 200 | 0 | 0 |
| NEGERI SEMBILAN | 1 | 150 | 0 | 0 |
| PAHANG | 0 | 0 | 4 | 563 |
| W.P.KUALA LUMPUR | 0 | 0 | 2 | 2,100 |
| KELANTAN | 0 | 0 | 1 | 1,000 |
| JUMLAH | 20 | 10,028 | 8 | 4,163 |

Sumber : Bahagian Perancangan Dan Pembangunan Projek PPR, JPN 2013

Nota: Projek Dalam Pembinaan ialah projek yang telah mendapat Surat Setuju Terima dan dalam peringkat pembinaan.

**JADUAL 6.4: PERINCIAN PROJEK PPR DALAM PEMBINAAN MENGIKUT NEGERI
PADA 30 JUN 2013**


| NEGERI | BIL | NAMA PROJEK | JUMLAH |
|---------------------------|-----|--|--------------------|
| PPR DISEWA | | | 10,028 UNIT |
| SABAH | 1 | PPR KG. KIANSOM BESAR, INANAM | 1,000 |
| | 2 | PPR BUKIT PADANG, KOTA KINABALU | 760 |
| | 3 | PPR JLN. UPPER, KUDAT | 500 |
| | 4 | PPR KUNAK | 400 |
| | 5 | PPR KENINGAU | 300 |
| | 6 | PPR BT 2 1/2, BUBUL LAMA, SEMPORNA | 832 |
| | 7 | PPR SELAGON | 67 |
| | 8 | PPR JALAN LINTAS SIBUGAR | 500 |
| | 9 | PPR PEKAN MUHIBBAH | 500 |
| | 10 | PPR KG. KETIAU, PUTATAN | 696 |
| | 11 | PPR KG. MERUNTUM, PUTATAN | 500 |
| | 12 | PPR BATU SAPI, SANDAKAN | 180 |
| JOHOR | 13 | PPR SG. MELANA | 1,170 |
| N.SEMBILAN | 14 | PPR LADANG SILIAU PORT DICKSON | 150 |
| PERAK | 15 | PPR BATU 2 1/2 TAIPING | 240 |
| PERLIS | 16 | PPR KUALA PERLIS | 200 |
| PULAU PINANG | 17 | PPR KG. TOK SUBOH, SEBERANG PERAI TENGAH | 231 |
| SARAWAK | 18 | PPR KG. BATU GONG, SIBURAN | 500 |
| SELANGOR | 19 | PPR KG. HASSAN | 300 |
| TERENGGANU | 20 | PPR PADANG HILIRAN | 1,002 |
| PPR DIMILIKI | | | 4,163 UNIT |
| PAHANG | 21 | SIMPANG PELANGI, KG. BENTONG | 129 |
| | 22 | KG. PANDAN LUAR, PEKAN | 164 |
| | 23 | KG. SERI JAYA, MARAN | 150 |
| | 24 | PPR KG. TEKEK, TIOMAN | 120 |
| W.P. KUALA LUMPUR | 25 | PPR KEONG | 1,600 |
| | 26 | PPR SENTUL | 500 |
| KELANTAN | 27 | PPR GUA MUSANG | 1,000 |
| SARAWAK | 28 | PPR LAMBIR, MIRI | 500 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | 14,191 UNIT |

Sumber : Bahagian Perancangan Dan Pembangunan Projek PPR, JPN 2013

6.4 STATUS PENGISIAN PPR DISEWA

Dari tahun 2001 hingga 30 Jun 2013, sebanyak 62,861 unit PPR Disewa telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk tujuan pengisian. Daripada jumlah tersebut, 55,833 unit PPR telah disewakan kepada golongan setinggan dan golongan berpendapatan rendah. Baki sebanyak 6,975 unit PPR masih dalam proses pengisian. Peratusan bagi PPR Disewa yang telah diduduki adalah sebanyak 88.8% manakala 11.1% lagi adalah unit yang masih kosong dan dalam peringkat pengisian. **Proses pengisian tersebut adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri masing-masing.** Sila lihat Carta 6.1.

CARTA 6.1: PERATUSAN PENGISIAN PPR DISEWA DARI TAHUN 2001 HINGGA 30 JUN 2013



Sumber : Bahagian Perancangan Dan Pembangunan Projek PPR, JPN 2013

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan jumlah yang tertinggi bagi unit PPR Disewa yang diserahkan iaitu sebanyak 32,762 unit. Daripada jumlah tersebut, 29,875 unit telah diisi dan selebihnya sebanyak 2,887 unit rumah masih dalam proses pengisian. Jumlah unit kosong yang tinggi dicatatkan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah kerana sesetengah unit tersebut dijadikan sebagai penempatan transit kepada penduduk – penduduk di kawasan yang ditimpa bencana dan terdapat kerosakan pada unit-unit PPR. Sila lihat Jadual 6.5.

JADUAL 6.5: PERINCIAN PENGISIAN PPR DISEWA MENGIKUT NEGERI DARI TAHUN 2001 HINGGA 30 JUN 2013

| NEGERI | JUMLAH UNIT RUMAH YANG DISERAH | JUMLAH UNIT DIDUDUKI | JUMLAH UNIT KOSONG |
|------------------|--------------------------------|----------------------|--------------------|
| W.P.KUALA LUMPUR | 32,762 | 29,875 | 2,887 |
| SABAH | 12,256 | 11,031 | 1,225 |
| JOHOR | 7,108 | 6,117 | 991 |
| SELANGOR | 3,304 | 2,848 | 456 |
| KEDAH | 1,894 | 1,845 | 49 |
| SARAWAK | 2,516 | 1,205 | 1,299 ¹ |
| PERLIS | 1,228 | 1,205 | 23 |
| PULAU PINANG | 698 | 692 | 6 |
| PERAK | 675 | 619 | 15 ² |
| NEGERI SEMBILAN | 420 | 396 | 24 |
| JUMLAH | 62,861 | 55,833 | 6,975 |

Sumber : Bahagian Perancangan Dan Pembangunan Projek PPR, JPN 2013


Nota:

1. Bagi PPR Negeri Sarawak, 12 unit dari jumlah keseluruhan unit yang diserahtelah digunakan sebagai pejabat tapak, dewan, surau dan tadika.
2. Sebanyak 15 unit rumah PPRB KTM Malim dan 24 unit PPRB KTM Sungkai telah dijual manakala 2 unit di PPRB Buntong telah dijadikan dewan dan pejabat.

6.5 STATUS PENJUALAN PPR DIMILIKI

Dari tahun 2001 hingga 30 Jun 2013, sebanyak 23 projek PPR Dimiliki (3,109 unit) telah disiapkan. Daripada jumlah tersebut, 22 projek (3,062 unit) telah diserah kepada Kerajaan Negeri Pahang bagi tujuan penjualan kepada golongan berpendapatan rendah yang layak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,971 unit (97.03%) telah ditawarkan kepada pembeli dan Perjanjian Jual Beli telah ditandatangani, 90 unit (2.94%) masih dalam proses mendapatkan pinjaman manakala 1 unit (0.03%) masih belum dijual dan dalam proses penjualan. Satu projek lagi iaitu PPR(M) Bandar Baru Jerantut belum diserahkan kepada Kerajaan Negeri kerana belum memperoleh Sijil Layak Menduduki (CFO). Sila lihat Carta 6.2 dan Jadual 6.6.

CARTA 6.2: PERATUSAN PENJUALAN PPR DIMILIKI DARI TAHUN 2001 HINGGA 30 JUN 2013



Sumber : Bahagian Perancangan Dan Pembangunan Projek PPR, JPN 2013

**JADUAL 6.6: PERINCIAN PENJUALAN PPR DIMILIKI DI NEGERI PAHANG DARI
TAHUN 2001 HINGGA 30 JUN 2013**

| DAERAH | PROJEK PPR (M) | BIL. UNIT | BIL. UNIT DIJUAL | DALAM PROSES PINJAMAN | BIL. UNIT BELUM DIJUAL |
|---------------|---------------------|--------------|------------------|-----------------------|------------------------|
| ROMPIN | MUADZAM SHAH | 150 | 148 | 1 | 1 |
| | PARIT RAJA | 150 | 149 | 1 | 0 |
| | LEBAN CHONDONG | 100 | 100 | 0 | 0 |
| LIPIS | KERAMBIT | 100 | 92 | 8 | 0 |
| | PADANG TENKU | 100 | 99 | 1 | 0 |
| MARAN | JENGKA | 300 | 299 | 1 | 0 |
| BERA | BUKIT MENDI | 150 | 148 | 2 | 0 |
| RAUB | BATU 17, TERSANG | 150 | 142 | 8 | 0 |
| | TANJUNG PUTUS | 100 | 99 | 1 | 0 |
| TEMERLOH | BOLOK HILIR | 150 | 144 | 6 | 0 |
| | PAMAH KASEH | 150 | 128 | 22 | 0 |
| | PAYA SOK | 100 | 100 | 0 | 0 |
| PEKAN | TG. AGAS | 150 | 139 | 11 | 0 |
| | PALOH HINAI | 150 | 150 | 0 | 0 |
| | KUALA PAHANG FASA 1 | 318 | 317 | 1 | 0 |
| | KUALA PAHANG FASA 2 | 32 | 28 | 4 | 0 |
| | TG. SELANGOR FASA 1 | 100 | 100 | 0 | 0 |
| | TG. SELANGOR FASA 2 | 62 | 61 | 1 | 0 |
| | TANJUNG BATU | 150 | 139 | 11 | 0 |
| KUANTAN | KG. HIJRAH | 150 | 143 | 7 | 0 |
| | KG. BARU GAMBANG | 150 | 150 | 0 | 0 |
| JERANTUT | IBOL TUNGGAL | 100 | 96 | 4 | 0 |
| JUMLAH | | 3,062 | 2,971 | 90 | 1 |

Sumber : Bahagian Perancangan Dan Pembangunan Projek PPR, JPN 2013

7.0 PENGURUSAN SETINGGAN

7.1 BILANGAN SETINGGAN

Pada 30 Jun 2013, seramai 72,139 keluarga setinggan dicatatkan di seluruh Malaysia. Bilangan ini meliputi seramai 285,360 ahli keluarga. Bilangan keluarga setinggan tertinggi yang dicatatkan ialah di negeri Sabah iaitu seramai 35,922 keluarga yang mana bilangan ahli keluarga ialah seramai 140,499 orang. Negeri Melaka mencatatkan bilangan keluarga setinggan terendah iaitu seramai 7 keluarga yang terdiri dari 19 orang ahli keluarga. Sila lihat Jadual 7.1.

JADUAL 7.1: STATISTIK SETINGGAN MENGIKUT NEGERI PADA 30 JUN 2013

| NEGERI | BIL. KELUARGA(KIR) | BIL. AHLI KELUARGA |
|------------------|-----------------------|--------------------------|
| SABAH | 35,922 | 140,499 |
| SARAWAK | 8,431 | 35,233 |
| JOHOR | 5,248 | 21,097 |
| PULAU PINANG | 4,208 | 18,909 |
| W.P.KUALA LUMPUR | 3,321 | 14,945 |
| KEDAH | 3,005 | 15,070 |
| SELANGOR | 2,542 | 3,299 |
| PERAK | 2,069 | 8,268 |
| PERLIS | 1,853 | 8,570 |
| KELANTAN | 1,685 | 7,780 |
| TERENGGANU | 1,517 | 1,583 |
| PAHANG | 1,047 | 3,982 |
| W.P.LABUAN | 970 | 5,521 |
| NEGERI SEMBILAN | 314 | 585 |
| MELAKA | 7 | 19 |
| JUMLAH | 72,139 | 285,360 |

Sumber : Bahagian Perancangan Dan Pembangunan Projek PPR, JPN 2013

8.0 PENGURUSAN ADUAN

8.1 BILANGAN ADUAN YANG DITERIMA

Sebanyak 1,444 aduan telah diterima oleh JPN dari Januari 2013 hingga 30 Jun 2013 dan 88.6% daripada jumlah tersebut iaitu 1,279 aduan telah diselesaikan. Sementara itu, sebanyak 165 aduan (11.4%) adalah masih dalam tindakan. Sila lihat Jadual 8.1.

JADUAL 8.1: BILANGAN ADUAN DITERIMA DAN DISELESAIKAN DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 JUN 2013

| JABATAN | JUMLAH ADUAN | | | | |
|--------------------------|--------------|----------------|------------------------|---------|-----------------|
| | TERIMA | DALAM TINDAKAN | PERATUS DALAM TINDAKAN | SELESAI | PERATUS SELESAI |
| JABATAN PERUMAHAN NEGARA | 1,444 | 165 | 11.4% | 1,279 | 88.6% |

Sumber : Unit Korporat, JPN 2013

8.2 JENIS ADUAN PERUMAHAN

Berdasarkan Jadual 8.2, didapati daripada jumlah 1,444 aduan yang diterima, sebanyak 607 aduan adalah di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118], 532 aduan di bawah Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663] dan 305 aduan lagi berkaitan berkaitan PPR, pelesenan, Skim Pinjaman Perumahan dan sebagainya.

JADUAL 8.2: JENIS ADUAN YANG DITERIMA OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 JUN 2013

| JENIS ADUAN | JUMLAH |
|---|--------|
| AKTA PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) 1966 [AKTA 118] | 607 |
| AKTA BANGUNAN DAN HARTA BERSAMA (PENYENGGARAAN DAN PENGURUSAN) 2007 [AKTA 663] | 532 |
| LAIN-LAIN - ADUAN BERKAITAN PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR), PELESENAN PEMAJUAN PERUMAHAN, SKIM PINJAMAN PERUMAHAN (SPP) DAN SEBAGAINYA | 305 |
| JUMLAH | 1,444 |

Sumber : Unit Korporat,JPN 2013

8.3 ADUAN YANG DITERIMA DI BAHAGIAN PENGUATKUASAAN


Sebanyak 607 aduan telah diterima di Bahagian Penguatkuasaan, JPN dari Januari 2013 hingga 30 Jun 2013. Daripada jumlah tersebut, aduan yang berkaitan dengan lesen serta permit iklan dan jualan adalah yang terbanyak diterima iaitu sebanyak 271 kes (44.6%). Ini diikuti oleh aduan berkaitan dengan kecacatan mutu kerja iaitu sebanyak 118 kes (19.4%). Jadual 8.3 dan Carta 8.1 menunjukkan secara terperinci jenis aduan yang diterima di Bahagian Penguatkuasaan.

JADUAL 8.3: JENIS ADUAN YANG DITERIMA DI BAHAGIAN PENGUATKUASAAN DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 JUN 2013

| JENIS ADUAN | JUMLAH | PERATUS(%) |
|---|------------|--------------|
| ADUAN BERKAITAN LESEN DAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN | 271 | 44.6 |
| KECACATAN MUTU KERJA | 118 | 19.4 |
| PELBAGAI ADUAN BERKAITAN PERJANJIAN JUAL BELI | 57 | 9.4 |
| ADUAN-ADUAN LAIN | 51 | 8.4 |
| ADUAN MELIBATKAN AGENSI LAIN | 45 | 7.4 |
| INGKAR AWARD | 30 | 4.9 |
| HAK MILIK (INDIVIDU/STRATA) DAN BEBANAN TANAH | 10 | 1.6 |
| PROJEK BERMASALAH (SAKIT/LEWAT) | 10 | 1.6 |
| SIJIL LAYAK MENDUDUKI (CFO)/PERAKUAN SIAP/PEMATUHAN CCC | 7 | 1.2 |
| INSFRASTRUKTUR (AIR/ELEKTRIK/JALAN MASUK) | 4 | 0.7 |
| PROJEK TERBENGKALAI | 3 | 0.5 |
| PENYENGGARAAN/PENGURUSAN BANGUNAN DAN HARTA BERSAMA | 1 | 0.2 |
| JUMLAH | 607 | 100.0 |

Sumber : Bahagian Penguatkuasaan,JPN 2013

**CARTA 8.1 JENIS ADUAN YANG DITERIMA DI BAHAGIAN PENGUATKUASAAN
DARI JANUARI 2013 HINGGA 30 JUN 2013**



Sumber : Bahagian Penguatkuasaan,JPN 2013

Nota

- (a) Aduan berkaitan lesen dan permit iklan dan jualan
- (b) Kecacatan mutu kerja
- (c) Pelbagai aduan berkaitan perjanjian jual beli
- (d) Aduan-aduan lain
- (e) Aduan melibatkan agensi lain
- (f) Ingkar award
- (g) Hakmilik (individu / strata) dan bebanan tanah
- (h) Projek bermasalah (sakit / lewat)
- (i) Sijil layak menduduki (CFO) / perakuan siap / pemantauan (CCC)
- (j) Infrastruktur (air / elektrik / jalan masuk)
- (k) Projek terbengkalai
- (l) Penyenggaraan / pengurusan bangunan dan harta bersama